

**KEDUDUKAN POLITIK DAN SOSIOEKONOMI  
MASYARAKAT MELAYU DALAM AKHBAR DAN  
MAJALAH TERBITAN NEGERI JOHOR SEBELUM  
PERANG DUNIA KEDUA**

**SITI ZAHRAH MAHFOOD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

**KEDUDUKAN POLITIK DAN SOSIOEKONOMI  
MASYARAKAT MELAYU DALAM AKHBAR DAN  
MAJALAH TERBITAN NEGERI JOHOR SEBELUM  
PERANG DUNIA KEDUA**

oleh

**SITI ZAHRAH MAHFOOD**

Tesis yang diserahkan untuk

memenuhi keperluan bagi

Ijazah Doktor Falsafah

**MAC 2018**

## **PENAKUAN**

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**MAC 2018**

**SITI ZAHRAH MAHFOOD**

**S-HD0080/11(R)**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hardat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya saya telah dapat menyempurnakan kajian ini untuk dikemukakan sebagai tesis Doktor Falsafah dalam bidang sejarah.

Dengan penuh rasa syukur dan tulus ikhlas, saya dengan sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Mahani Musa selaku penyelia yang begitu gigih menyelia tesis Doktor Falsafah ini. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan dengan penuh dedikasi serta meluangkan masa yang banyak tanpa rasa jemu dalam membantu penyelidik menyiapkan tesis ini amatlah dihargai. Penyelidik beruntung kerana mempunyai penyelia yang gigih dan berdedikasi.

Sebahagian besar kajian ini telah dijalankan di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan di Johor Bahru. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada kakitangan agensi ini terutamanya Encik Yusuf kerana telah memberikan kerjasama yang tinggi dan sewajarnya kepada penyelidik dalam usaha mendapatkan dokumen-dokumen dan bahan-bahan yang diperlukan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Hamzah Sendut USM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tunku Bainun UPSI, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan NUS, Singapore kerana kerjasama yang telah diberikan. Penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah memberikan biasiswa dan kemudahan cuti belajar.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada keluarga tersayang dan rakan-rakan yang telah memberikan semangat, dorongan dan sokongan dalam menyiapkan tesis ini.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2 Tinjauan Literatur	14
1.3 Permasalahan Kajian	23
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Skop Kajian	26
1.6 Kaedah Kajian	31
1.7 Signifikan Kajian	33
<b>BAB 2 PERKEMBANGAN KEGIATAN PERSURATKHABARAN DAN MAJALAH DI JOHOR SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA</b>	
2.1 Pengenalan	36
2.2 Perkembangan Persuratkhabaran Di Johor Sehingga 1941	37
2.3 Faktor Kemunculan dan Kepesatan Kegiatan Persuratkhabaran dan Majalah di Johor	
2.3.1 Impak Gerakan Pemodenan Johor	47
2.3.2 Perkembangan Pendidikan	54

2.3.3 Sokongan Pemerintah	59
2.3.4 Pengaruh Singapura	63
2.4. Latar belakang Akhbar dan Majalah, Pelopor dan Fokus Isi Kandungan	
2.4.1 Harapan (1919)	68
2.4.2 LidahTeruna (1920-1921)	70
2.4.3 Masa (1924-1934)	71
2.4.4 Perjumpaan Melayu (1925)	76
2.4.5 Panji-panji Melayu (1927)	76
2.4.6 Lembaran Guru (1926)	78
2.4.7 Jasa (1927 - 1931)	81
2.4.8 Bulan Melayu (1930-1941)	84
2.4.9 Cahaya (1930)	88
2.4.10 Katok-katok (1930)	90
2.4.11 Al-Johoriah (1932)	91
2.4.12 Taja Penghiburan (1934)	92
2.4.13 Majalah Neraca (1934)	93
2.4.14 Majalah Pemuda (1935)	93
2.4.15 Lembaga Malaya (1934-1941)	94
2.4.16 Lembaga (1935-1941)	103
2.4.17 Idaman (1939-1941)	104
2.5 Masalah dan Cabaran Penerbitan Akhbar dan Majalah di Johor	109
2.6 Kesimpulan	115

### **BAB 3 POLITIK ORANG MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH KELUARAN NEGERI JOHOR**

3.1 Pengenalan	116
3.2 Perbahasan tentang Kuasa British	118
3.3 Tuntutan Orang Cina	146
3.4 Sikap Kerajaan Johor	151
3.5 Kedudukan Bahasa Melayu	155
3.6 Gerakan Persatuan/Persekutuan	173
3.7 Kesimpulan	181

### **BAB 4 KEDUDUKAN EKONOMI ORANG MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH TERBITAN NEGERI JOHOR**

4.1 Pengenalan	184
4.2 Isu Kemunduran Ekonomi Orang Melayu	185
4.3 Ancaman Orang Cina	202
4.4 Panduan Membasmi Kemiskinan	217
4.5 Kesimpulan	247

### **BAB 5 AKHBAR DAN MAJALAH TERBITAN NEGERI JOHOR DAN ISU-ISU SOSIAL MASYARAKAT MELAYU**

5.1 Pengenalan	250
5.2 Isu Keruntuhan Moral dan Agama	251
5.2.1 Masalah Kepercayaan Karut	261
5.2.2 Mengatasi Masalah Sosial Menerusi Pengukuhan agama	267
5.2.3 Agama Islam Sebagai Alat Perpaduan	276

5.3	Isu Pendidikan	282
5.3.1	Masalah Keciciran Pendidikan Masyarakat Melayu	283
5.3.2	Pendidikan Sebagai Agen Perubahan Sosial	291
5.3.3	Kaedah Pengajaran	298
5.3.4	Isu Buku Teks	302
5.3.5	Isu Sistem Pelajaran Agama	305
5.3.6	Perbincangan Tentang Pendidikan Tinggi	312
5.4	Kesimpulan	321
<b>BAB 6</b>	<b>ISU-ISU WANITA DALAM <i>BULAN MELAYU</i></b>	
6.1	Pengenalan	323
6.2	Pendidikan dan Pembentukan Generasi Wanita Abad ke-20	325
6.3	Wanita dan Pendidikan Agama	344
6.4	Wanita dan Ekonomi	351
6.5	Wanita dan Persatuan	359
6.6	Wanita dalam Pengurusan Rumahtangga	362
6.7	Isu Perceraian dan Hak Wanita	367
6.8	Wanita dan Kesihatan	369
6.9	Wanita dan Pakaian	376
6.10	Kesimpulan	384
<b>BAB 7</b>	<b>KESIMPULAN</b>	386
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	399
	<b>LAMPIRAN</b>	423



## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Jumlah Penerbitan Majalah dan Akhbar Sebelum Perang Dunia Kedua	46
Jadual 2.2 Perkhidmatan Pos di Johor: Peningkatan Dalam Jumlah Perniagaan, Hasil dan Perbelanjaan	50
Jadual 2.3 Jumlah Kemasukan Pelajar Melayu Lelaki ke Sekolah Kerajaan di Johor pada Tahun 1929- 1938	54
Jadual 2.4 Jumlah Kemasukan Pelajar Melayu Perempuan ke Sekolah Kerajaan di Johor pada Tahun 1929-1938	54
Jadual 2.5 Rekod Langganan Akhbar di Pejabat Menteri Besar Johor 1938	61
Jadual 3.1 Kadar Bayaran Gaji dan Elaun Pegawai Eropah	130
Jadual 3.2 Jumlah Penduduk Yang Tinggal di Ladang Getah pada 1931	148
Jadual 3.3 Pendapatan Hasil Eksport Negeri Johor	152
Jadual 3.4 Skim Perkhidmatan Kerani Pada Tahun 1914 Sebagaimana Yang Ditetapkan Dalam Pekeliling 1914.	164
Jadual 4.1 Perusahaan Pertanian di Negeri Johor 1928-1932	206
Jadual 4.2 Statistik Kedatangan Kumpulan Pertama Orang Indonesia Ke Tanah Melayu	213
Jadual 5.1 Jumlah Keseluruhan Bayaran Denda Yang Dikenakan Terhadap Penjudi Pada Tahun 1924 dan 1925	257
Jadual 5.2 Sekolah-sekolah Melayu Yang Ditutup dan Dibuka Kembali	288
Jadual 5.3 Bilangan Pelajar Mengikut Bangsa Yang Lulus Peringkat Junior Cambridge dan Senior Cambridge.	319
Jadual 6.1 Bilangan Murid di Sekolah Vernakular Perempuan di Johor	335

Jadual 6.2	Statistik Perempuan Melayu di Sekolah Inggeris pada tahun 1928	338
Jadual 6.3	Senarai Hospital di Johor	371
Jadual 6.4	Jumlah Kematian Kaum Ibu berdasarkan Bangsa di Johor dari tahun 1935 hingga 1939	372
Jadual 6.5	Jumlah Kematian Bayi Berumur Di Bawah Satu Tahun Mengikut Bangsa di Johor Dari Tahun 1935-1939	374

## SENARAI SINGKATAN

Bil	Bilangan
dlm	Dalam
hlm	Halaman
Vol	Volume
ANMCJ	Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor
ANMCJM	Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka
ARADJ	<i>Annual Report Agricultural Department, Johore</i>
CLM	Commissioner, Lands and Mines
CO	<i>Colonial Office</i>
F.M.S	<i>Federated Malay States</i>
GA	<i>General Advisor</i>
JAJ	Jabatan Agama Johor
JAR	<i>Johore Annual Report</i>
JMBRAS	<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSAS	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
KAD	Pejabat Kadi
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
MB	Menteri Besar
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
NUS	National University Singapore
P.M.I	Pergerakan Perempuan Melayu Indonesia
PBMPB	Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa
PERTIWI	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PGIM	Persekutuan Guru-Guru Islam Muar
PKBJ	Persekutuan Kecharapan Belia Johor
SP	Surat Persendirian
SS	<i>State Secretary, Johore</i>
SSD	<i>Singapore and Straits Directory</i>

SUK	Setiausaha Kerajaan
UG	Pejabat Ugama
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
YDP	Yang Dipertuan
YMM	Yang Maha Mulia

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
Lampiran A Taburan Pekerjaan Mengikut Kaum di Johor pada Tahun 1921	423

**KEDUDUKAN POLITIK DAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT  
MELAYU DALAM AKHBAR DAN MAJALAH TERBITAN NEGERI  
JOHOR SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA**

**ABSTRAK**

Tumpuan utama kajian ini adalah meneliti kedudukan politik dan sosioekonomi orang Melayu dalam akhbar dan majalah terbitan negeri Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Selain meneliti faktor-faktor yang menjadikan Johor signifikan dalam kegiatan persuratkhabaran dan majalah sebelum Perang Dunia Kedua, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu-isu berhubung kedudukan politik dan sosioekonomi orang Melayu yang dibahaskan dalam akhbar dan majalah terbitan negeri Johor dalam tempoh kajian. Kajian ini juga bertujuan meneliti isu-isu tentang wanita yang dibangkitkan oleh majalah wanita keluaran negeri itu khususnya *Bulan Melayu* dari tahun 1930 hingga 1941. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif sepenuhnya. Sumber primer utama dalam kajian ini ialah akhbar dan majalah yang diterbitkan di Johor sebelum Perang Dunia Kedua dan disokong oleh dokumen-dokumen rasmi dan sumber sekunder yang berkaitan. Secara keseluruhannya, penemuan utama kajian ini ialah akhbar dan majalah di Johor bergerak seiring dengan cita-cita pemodenan negeri tersebut yang telahpun berlangsung sejak pertengahan abad ke-19. Agenda bersifat kenegerian ini, walau bagaimanapun, tidak terpisah daripada agenda kebangsaan. Hal ini kerana melalui rencana-rencana yang disiarkan, perbincangan tentang kemelut dan keluh kesah impak pemodenan cuba diimbangi dengan kritikan, panduan, saranan dan nasihat melalui pelbagai artikel dan surat kiriman pembaca. Perbincangan tentang hal-hal penjajahan, persaingan ekonomi, masalah sosial, isu pendidikan dan isu wanita bukan sahaja

ditujukan kepada penduduk di Johor tetapi juga kepada seluruh masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

**POLITICS AND SOCIOECONOMIC POSITION OF THE MALAY  
SOCIETY IN NEWSPAPERS AND MAGAZINES PUBLISHED IN JOHOR  
BEFORE THE SECOND WORLD WAR**

**ABSTRACT**

The main focus of this study is to examine on political and socioeconomic position of the Malays in newspapers and magazines published in Johor before the Second World War. Apart from looking into the factors that make Johor significant in the publication of newspapers and magazines before the Second World War, the objective of the study is to analyse issues relating to the political and socioeconomic positions of Malays debated in newspapers and magazines published in the state in the period under review. This study also examines issues about women raised in women's magazines issued in the state especially *Bulan Melayu* from 1930 to 1941. This study used qualitative research methods while the main primary sources are newspapers and magazines published in Johor before the Second World War. These are supported by official documents and the relevant secondary sources. The research findings of the study are newspapers and magazines in Johor moved in tandem with the modernisation of the state which had been going on since the mid-19th century. The state agenda, however, is not separate from the national agenda. Through articles published in newspapers and magazines debates about the impact of modernisation is balanced with criticism, guidance, suggestions and advice through articles and letters from readers. Debates on colonisation, economic competitiveness, social issues, education and women issues were not only aimed to the people of Johor but also to the entire Malay community in the peninsula.



## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini menghujahkan peranan dan sumbangan persuratkhabaran Johor sebagai saluran untuk memupuk semangat kesedaran dan dalam masa yang sama sebagai penyokong kepada gerakan pemodenan negeri Johor melalui rencana-rencana yang disiarkan. Kemelut dan keluh kesah impak pemodenan turut dipikul dan disampaikan malah cuba diimbangi melalui pelbagai artikel, perbahasan dan surat kiriman pembaca. Akhbar dan majalah keluaran negeri Johor dalam konteks ini menjadi agen dan penyeimbang kepada kesedaran politik dan pemodenan Johor dan masyarakat Tanah Melayu secara amnya.

Akhbar dan majalah merupakan salah satu media cetak yang memainkan peranan penting dalam sesebuah masyarakat, bukan sahaja sebagai alat penyampai maklumat atau melaporkan sesuatu peristiwa yang telah berlaku, dalam dan luar negara, malah turut berperanan mencetuskan dan seterusnya memupuk kesedaran sosial dan politik dalam kalangan pembacanya. Sebagaimana ulasan Benedict Anderson, perkembangan percetakan membolehkan manusia yang tidak mengenal antara satu sama lain berkongsi idea, pandangan mahupun impian. Malah percetakan mampu membangkitkan semangat kesedaran yang meluas serta mempengaruhi masyarakat tentang apa yang hendak disampaikan dengan lebih cepat dan berkesan sekalipun mereka tidak pernah bertemu. Anderson melihat kelebihan percetakan

sebagai melewati sempadan geografi malah hubungan erat kapitalisme dengan percetakan telah membawa kepada kemunculan pemikiran baru dan pembentukan imej baru kepada masyarakat.<sup>1</sup> Pandangan Anderson nampaknya tidak jauh berbeza dengan pendapat yang diutarakan oleh D.McQuail dan S. Windahl yang melihat agenda media massa mampu mempengaruhi pemikiran masyarakat. Namun, bagi memastikan agenda media dan agenda awam mempunyai pertalian dengan isu yang dibangkitkan oleh media massa, isu tersebut seharusnya merupakan isu yang menjadi perbincangan masyarakat.<sup>2</sup>

Keadaan ini dapat dilihat di Tanah Melayu terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua apabila akhbar dan majalah menjadi alat komunikasi yang paling berkesan untuk mempengaruhi, menyedarkan, dan menyatukan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu. Golongan intelek Melayu pada abad ke-20 ini menggunakan akhbar dan majalah sebagai medium interaksi sesama mereka dan masyarakat. Melalui media ini satu dialog atau perbahasan dapat diadakan sekurang-kurangnya dalam kalangan mereka yang lebih vokal dan juga lebih tajam pemerhatiannya tentang perkembangan-perkembangan yang secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat. Malah lebih menarik lagi, sebagaimana yang diulas oleh Khoo Kay Kim, akhbar dan majalah di Tanah Melayu sepanjang abad ke-19 dan ke-20 merupakan suara yang mewakili “dunia” masing-masing; akhbar Melayu dengan “dunia Melayunya”, manakala akhbar Cina dengan “dunia Cinanya”.<sup>3</sup> A. Samad Ismail melihat penglibatan wartawan sebelum perang

---

<sup>1</sup>Benedict Anderson, *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*, (Revised Edition ed.) London and New York: Verso, 1991, hlm. 33-46.

<sup>2</sup> D. Mc Quail and S. Windahl, *Communication Models for the Study of Mass Communications*, 2nd ed. London: Longman, 1993.

<sup>3</sup>Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1984, hlm.5.

dalam dunia persuratkhabaran bukanlah untuk mendapatkan pendapatan lumayan tetapi untuk berbakti kepada bangsa dan tanah air:

"Pada zaman itu ialah zaman bangsa Melayu rata-rata hidup miskin, mundur dan lemah tanpa kepimpinan yang berkemampuan membimbing mereka ke arah hidup yang sempurna dan bermaruah, kita akan dapat mengerti mengapa nilai-nilai berkorban untuk bangsa dan tanah air menjadi tradisi dan pegangan hidup wartawan Melayu pada zaman itu."<sup>4</sup>

Pelanggan atau pembaca akhbar dan majalah ketika itu terdiri daripada golongan terpelajar seperti guru, kakitangan kerajaan dan lain-lain yang pandai membaca. Dalam tahun 1931 dianggarkan hampir sepertiga lelaki dewasa bangsa Melayu penduduk Tanah Melayu boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.<sup>5</sup> Namun agak menarik Za'aba mengatakan sebelum Perang Dunia Kedua berita daripada media cetak juga sampai kepada orang Melayu yang buta huruf apabila berita dibacakan oleh rakan-rakan mereka di kedai kopi:

"Tentang kota-kota tidak perlu diperkatakan lagi kerana surat khabar Melayu selalu boleh diperoleh pada tiap-tiap kedai buku Melayu dan setengah dari suratkhbar itu pula terdapat di kelab-kelab Melayu yang berbagai jenis, dan dibaca oleh pemandu-pemandu kereta sekalipun, tetapi kita boleh perhatikan juga petani-petani yang tinggal di desa-desa menumpukan minat mereka kepada apa yang terdapat dalam surat khabar itu tentang lain-lain tempat di Malaya dan dunia juga. Selalunya, pada waktu petang hari, kita boleh lihat di sebuah kedai kopi Tionghoa di tepi jalan seorang yang pandai membaca dan menulis, mungkin guru tua di sekolah setempat atau mungkin pula penghulu setempat, membaca surat khabar ini atau surat khabar itu, manakala sekumpulan kecil orang tua yang kurang pandai membaca dan menulis mendengarnya dengan penuh perhatian, bertanya-tanya dan memberi ulasan-ulasan sesama mereka."<sup>6</sup>

Sebagai sumber kontemporari (sezaman) dan perkembangannya yang seiring dengan peredaran zaman, akhbar dan majalah umpama sekeping cermin yang menjadi refleksi kepada keadaan sesuatu zaman. Robert W. Desmond seorang ahli

---

<sup>4</sup>A. Karim Haji Abdullah, *A. Samad Ismail Ketokohan dan Kewartawanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm 222-223.

<sup>5</sup>William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (Terjemah), Kuala Lumpur:Universiti Malaya, 1975, hlm. 212.

<sup>6</sup>Nik Ahmad Nik Hassan, "The Malay Press", *JMBRAS*, Vol.36, Pt.1. Mei 1963,hlm.24.

sejarah kewartawanan menyatakan wartawan menulis sesuatu tentang zaman dan manusianya, dan mereka mengumpulkan serta merakamkan maklumat bagi zamannya. Himpunan rakaman maklumat daripada penulisan kewartawanan dari zaman ke zaman itu memberi sumbangan besar kepada ilmu sejarah.<sup>7</sup> Berdasarkan kepentingan inilah ahli sejarah tempatan mengkategorikan akhbar mahupun majalah sebagai sumber penting bagi ahli-ahli sejarah untuk melihat dengan lebih jelas tentang sejarah kemasyarakatan, sosioekonomi dan sejarah politik orang Melayu abad ke-20 terutama sekali apabila sumber-sumber rasmi yang lain (termasuk dokumen) tidak berupaya menjelaskan situasi itu. Malah William R.Roff menyifatkan media ini sebagai suatu alat perakam yang paling mustahak kerana bukan sahaja halamannya meriwayatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku tetapi juga menggambarkan dan menjelaskan “fikiran” dan “perasaan” orang-orang yang hidup pada ketika itu di saat media elektronik lain masih belum meluas.<sup>8</sup>

Dari segi sejarahnya, penerbitan awal akhbar dan majalah di Tanah Melayu ini adalah berpusat di Negeri-negeri Selat khususnya Singapura dan Pulau Pinang sejak awal abad ke-19.<sup>9</sup> Hal ini tidak dapat dielakkan kerana Negeri-Negeri Selat pada waktu itu sedang mengalami kepesatan penduduk, mengamalkan perdagangan bebas, dan sedang menempuh era pembaharuan dan permodenan. Ian Proudfoot melihat satu revolusi berlaku dalam percetakan akhbar dan majalah serta buku-buku Melayu terutamanya pada 1920-an berikutan pengenalan pejabat pos dan kemajuan dalam sistem pos yang membolehkan bahan-bahan ini beredar dengan mudah antara

---

<sup>7</sup> Robert W.Desmond, *The Press and World Affairs*, New York: D. Appleton-century Company, 1937.

<sup>8</sup>William. R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm.7.

<sup>9</sup>William.R.Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals:Published in the the Straits Settlements and PeninsularMalay States 1876-1941*, London: Oxford University Press, 1972, hlm.1  
Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke Sembilan Belas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm.x.

Singapura dengan Pulau Pinang.<sup>10</sup> Selain itu, tanpa raja-raja Melayu sebagai penaung memberi kebebasan untuk sebarang kegiatan percetakan manakala kemerosotan percetakan yang diterajui oleh orang Inggeris memberi peluang kepada pengusaha daripada pelbagai kaum mengambil alih peranan tersebut sejak awal abad ke-20. Menurut Roff, antara 1876 hingga 1941, sebanyak 147 buah akhbar dan majalah berbahasa Melayu telah diterbitkan di Tanah Melayu. Manakala A.M. Iskandar pula mendapati tidak kurang daripada 183 akhbar dan majalah telah diterbitkan dari tahun 1876 hingga 1945.<sup>11</sup> Kedua-dua mereka mengakui kepentingan Singapura dan Pulau Pinang sebagai pusat kegiatan percetakan akhbar dan majalah yang utama dalam tempoh tersebut.<sup>12</sup> Namun agak menarik, pada awal abad ke-19 hingga akhir abad tersebut, hampir semua akhbar Melayu yang penting dan popular adalah diusahakan oleh orang bukan Melayu. Fokus kebanyakan akhbar tersebut pula lebih kepada soal bahasa dan karang-mengarang, berita tempatan dan hiburan.

Di sebalik monopoli orang bukan Melayu dalam persuratkhabaran Melayu, muncul beberapa akhbar yang meninggalkan pengaruh yang besar terhadap orang Melayu khususnya pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20. Akhbar pertama dalam bahasa Melayu *Jawi Peranakan*<sup>13</sup> diterbitkan oleh golongan Jawi Peranakan di Singapura pada 1876.<sup>14</sup> Kelebihan modal dan ilmu pengetahuan

---

<sup>10</sup> Ian Proudfoot, *Early Malay Printed Books*, Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies, University of Malaya, 1993, hlm. 339.

<sup>11</sup> Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke Sembilan Belas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994, hlm.75.

<sup>12</sup> Keterangan lanjut sila lihat, Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke Sembilan Belas*, hlm.46.

<sup>13</sup> Nik Ahmad Nik Hassan, "The Malay Press", *JMBRAS*, Vol.36, Pt.1. Mei 1963, hlm.37-38, menyatakan bahawa pengarang utama akhbar ini adalah Muhamad Said bin Dada Mohiddin (1876-1888). Lihat juga A.M Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.1. Ukuran akhbar ini ialah 11"x17.1" yang ditulis dengan huruf jawi bercap timah. Akhbar ini adalah akhbar mingguan yang dikeluarkan pada tiap-tiap hari isnin dan diberhentikan penerbitannya pada 1895. Mengandungi empat halaman dan menyiarkan berita dalam negeri dan luar negeri.

<sup>14</sup> William.R.Roff., *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, hlm.12. Golongan peranakan juga dikenali sebagai Jawi Pekan. Golongan ini terhasil daripada perkahwinan antara lelaki India Selatan dengan perempuan tempatan. Mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan utama dan

mbolehkan golongan Jawi Peranakan bersaing dengan bangsa lain untuk menguasai bidang percetakan khususnya di Negeri-negeri Selat. Sambutan yang menggalakkan terhadap penerbitan *Jawi Peranakan* telah mendorong lahirnya akhbar-akhbar lain seperti *Nujumu'l-Fajar* atau disebut *Idaran Bintang Timur* yang telah diterbitkan pada tahun 1877 bersama-sama *Shamsu'l-Kamar* dan kemudiannya *Sekola Melayu* pada 1888 di Singapura. Seterusnya sebuah akhbar harian dalam tulisan rumi, *Bintang Timur* diterbitkan di Singapura pada 2 Julai 1894 hingga Mac 1895.<sup>15</sup> Manakala di Pulau Pinang sejak tahun 1894 juga telah diterbitkan akhbar-akhbar seperti *Lingkungan Bulan* (1900), *Tanjung Penegeri* (1894), *Pemimpin Warita* (1895)<sup>16</sup> dan *Taman Pengetahuan* (1904). Dua akhbar yang terkenal di Pulau Pinang ialah *Bintang Timur* dan *Cahaya Pulau Pinang* (1900).<sup>17</sup> Perak pula adalah negeri pertama di Semenanjung Tanah Melayu yang telah mengeluarkan akhbar Melayu yang dinamakan *Seri Perak* (1893), dan *Warta Kerajaan Perak* (1896) kemudiannya disusuli pula oleh sebuah akhbar mingguan *Jajahan Melayu* (1897). Meskipun hayat akhbar-akhbar awal ini tidak panjang, akhbar-akhbar ini telah menjadi asas kepada pertumbuhan persuratkhabaran yang lebih pesat kemudiannya.<sup>18</sup>

Umumnya pada awal abad ke-20 terdapat dua fenomena yang amat ketara berhubung kegiatan persuratkhabaran di Tanah Melayu. Pertamanya, kemunculan

---

menyatakan diri mereka sebagai "kita orang Melayu" dan lain-lain ungkapan untuk melahirkan "kemelayuan" mereka, malah ramai antara mereka yang menjadi "munshi" atau juru bahasa kepada orang Eropah di Negeri-negeri Selat. William.R.Roff., *Nasionalisme Melayu*, hlm. 62. Lihat juga Zainal Abidin bin Ahmad, "Malay Journalist in Malaya" *JMBRAS*, Vol.XIX, Pt. II, 1941, hlm. 244. James Low, *The British Settlements of Penang*, Singapore: Oxford University Press, 1972, hlm 250-25.

<sup>15</sup>Untuk keterangan lanjut tentang *Bintang Timur* ini, lihat William.R.Roff., *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, hlm. 2.; Nik Ahmad Nik Hassan, "The Malay Press", hlm 41-43.

<sup>16</sup> Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Ke Sembilan Belas*, hlm. 75.

<sup>17</sup>William.R.Roff, *Sejarah Surat-Surat khabar Melayu*, hlm.2. Juga lihat Nik Ahmad Nik Hassan, "The Malay Press", hlm 44.

<sup>18</sup>Abdul Rahman Haji Ismail, "Jajahan Melayu dan Seri Perak: Satu Catatan Tentang Dua Akhbar Melayu Semenanjung Tanah Melayu Akhir Kurun Kesembilan Belas", *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*, Jilid 6, No.2, Disember 1988, hlm.1-15. Suffian Hussain, (et.all), *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jil.I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm.11.

akhbar yang bersifat nasional (tempatan) dan lebih kerap keluarannya. Keduanya, kemunculan majalah yang bersifat keagamaan yang banyak mencadangkan pembaharuan dan lebih berpengaruh dalam khalayak pembaca. *Al-Imam*, misalnya merupakan majalah yang paling awal memasukkan masalah keagamaan, bersifat pembaharuan dalam idea-idea dan pemahamannya.<sup>19</sup> Majalah yang bersifat perjuangan ini telah diterbitkan pada 23 Julai 1906 di Singapura. *Al-Imam* dilihat oleh ramai sarjana sebagai titik tolak kepada pembaharuan dalam dunia persuratkhabaran.<sup>20</sup> Leonard Y. Andaya, misalnya, melihat *Al-Imam* terpisah secara jelas daripada corak penulisan sebelum ini kerana mendesak kepada reformasi dalam pendidikan Islam dengan memasukkan latihan dalam pengajiannya bagi membolehkan pelajar bersaing dalam dunia moden. Malah *Al-Imam* mendesak kaum wanita diberi hak dalam pendidikan dan pemilikan harta.<sup>21</sup> Dalam pada itu terdapat beberapa majalah yang bercorak keagamaan seperti *Neracha* (1911-1915), *Tunas Melayu* (1913) dan *Majalah Al-Islam* (1914-1915). Pada awal abad ke-20 ini juga muncul dua lagi akhbar Melayu iaitu *Utusan Melayu* (1907-1921)<sup>22</sup> dan *Lembaga Melayu* (1914-1931). Kedua-dua buah akhbar ini merupakan versi bahasa Melayu kepada akhbar *Singapore Free Press* (1835) dan *Malaya Tribune Press* (1914).

Pada dekad awal abad ke-20, persuratkhabaran Melayu lebih maju dari tahun-tahun sebelumnya. Mesej yang hendak disampaikan juga jauh lebih matang dan bernas manakala teknik, penyusunan dan persembahannya semakin kemas. Kalau

---

<sup>19</sup>Muhammad bin Dato' Muda, *Tarikh Surat Khabar*. Bukit Mertajam:Matbaah al-Zainiah, 1940, hlm. 131.

<sup>20</sup>Keterangan lanjut tentang kandungan *al-Imam*, sila lihat Abdul Aziz bin Mat Ton, "Al-Imam Sepintas Lalu", *Jurnal Sejarah*, Jil XI, 1972/73, hlm 29-38, Abdullah Jafaar, "Al-Imam", *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 7-32, Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kentucky:University of Canterbury, 1981.

<sup>21</sup>Barbara Watson and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, (second edition), Basingstoke: Palgrave, 2001, hlm. 208.

<sup>22</sup>Nik Ahmad Nik Hassan, "The Malay Press", hlm. 45. *Utusan Melayu* diterbitkan di Singapura oleh Singapore Free Press tiga kali seminggu. Lihat juga Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Malajah Di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran*, Shah Alam:Karisma Publication Sdn. Bhd, 2002, hlm.12.

dahulu pusat penerbitan tertumpu di Negeri-negeri Selat, kini pusat-pusat penerbitan telah bertambah seperti Klang, Seremban, Tanjong Malim, Muar, Parit Jamil, Batu Pahat, Johor Bahru, Alor Star dan Kelantan. Kebanyakan akhbar dan majalah tersebut memuatkan isi kandungan yang lebih padat, muka surat yang lebih banyak dan penggunaan huruf rumi yang lebih ketara di samping pengejalan tulisan jawi. Pada dekad ini juga badan-badan, pertubuhan serta persatuan di samping orang perseorangan giat menerbitkan akhbar dan majalah. Sekadar menyebut beberapa contoh dan hampir semua akhbar dan majalah ini merupakan lidah rasmi kepada pertubuhan tersebut, antaranya, Majlis Agama dan Adat Istiadat Kelantan telah menerbitkan majalah *Pengasuh*<sup>23</sup> pada tahun 1918 dan *Lidah Teruna* (Jun 1920) diterbitkan oleh Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar. Majalah *Al-Ikhwān* (1926-1931)<sup>24</sup> pula telah diterbitkan dan menjadi salah satu platform bagi perjuangan Kaum Muda.<sup>25</sup> *Panduan Guru* (1922-1925) diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang, Persatuan Guru-guru Islam Muar menerbitkan *Lembaran Guru*, Kesatuan Persatuan Guru-guru Persekutuan Tanah Melayu pula mengeluarkan *Majalah Guru* (1924-1941), Persatuan Rembau Ternakan menerbitkan *Tetuan Muda* (1928), Al-Jamaah Al-Islamiyyah di Muar, Johor menerbitkan *Al-Johoriah* (1932), Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor menerbitkan *Bulan Melayu* (1930-1941),<sup>26</sup> *Idaman* diterbitkan (1940-1941) oleh

---

<sup>23</sup>Keterangan lanjut mengenai majalah *Pengasuh* sila lihat Ramli Hj. Ahmad dan Che Zaharah Che Hassan, "Pengasuh", *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm 33-57.

<sup>24</sup>Keterangan lanjut tentang *Al-Ikhwān* lihat; Zainal Abidin bin Ahmad, "Malay Journalism In Malaya", *JMBRAS*, Vol.XIX, 1941; William R. Roff., *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlement and Peninsular Malay State 1876-1941*, London: Oxford University Press, 1972.

<sup>25</sup>Untuk mendapat gambaran jelas tentang kaum Muda dan Kaum Tua, lihat William. R. Roff., "Kaum Muda-Kaum Tua: Inovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941", William. R. Roff., *The Origin of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 1967; Abdul Rahman Hj. Abullah, "Gerakan Islah di Perlis, dlm *Sejarah Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn.Bhd, 1989, hlm.1-9.

<sup>26</sup>*Bulan Melayu* merupakan majalah berkala wanita yang pertama di Tanah Melayu dan diterbitkan oleh persekutuan guru-guru Perempuan Melayu Johor. Lihat, A.M. Iskandar Hj. Ahmad *Perakhbaran*



Persatuan Guru-guru Melayu Batu Pahat dan Guru-guru Perempuan Johor dan Persekutuan Kemajuan Pengetahuan Kuala Lumpur telah menerbitkan *Kemajuan Pengetahuan* (1925), manakala Putera Kelab, Kota Bharu telah menerbitkan *Putera* (1930).

Seperkara yang menarik berhubung dengan kegiatan persuratkhabaran awal abad ke-20 ini ialah peranan institusi agama. Banyak madrasah mula menerbitkan akhbar dan majalah sendiri. Antaranya, Madrasah Al-Mashoor, Pulau Pinang yang menerbitkan *Al-Raaj/Ar Rajan* (1925-26) dan *Dewan Pergaulan* (1926), Madrasah Al-Haji Taib, Kampung Parit Jamil, Muar menerbitkan *Masa* (1924), Madrasah Al-Attas, Johor Bahru menerbitkan *Jasa* (1927-1931), Madrasah Al Juneid, Singapura menerbitkan *Temasik* (1930), Al-Ittihad Al-Islamiah, Kota Bharu Kelantan menerbitkan *Suara* (1931), Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar menerbitkan *Panduan* (1934-35), Madrasah Al-Firdaus, Singapura menerbitkan *Bintang Malaya* (1939-1941), Madrasah Al-Maarif Al-Wataniah Kepala Batas menerbitkan *Al Hikmah* (1935) dan Madrasah Al-Ihya Abu Shariff, Gunung Semanggol, Perak menerbitkan *Seruan Ihya* (1941).

Penghasilan majalah-majalah yang bercorak hiburan juga bertambah pada awal abad ke-20. Antaranya *Katuk-katuk* (1930), *Kanak-kanak* (1931) dan *Penghibur* (1936). Menurut Roff, Sulaiman Ahmad tokoh yang menerbitkan majalah yang bercorak hiburan adalah orang yang paling produktif dalam menghasilkan majalah-majalah yang bercorak demikian. Antara majalah yang dihasilkan oleh beliau ialah *Dunia Sekarang* (1934), *Syorga Dunia* (1936), *Melayu Muda* (1936), *Penggeli Hati*

---

*Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm.35. Keterangan lanjut mengenai *Bulan Melayu* sila lihat Mariam bt Mansor, "Bulan Melayu", dlm *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm 58-81.

(1936) dan beberapa buah lagi.<sup>27</sup> Terdapat juga majalah yang khusus mewakili bidang kesusasteraan, antaranya *Guru* (1935), *Warta Ahad* (1935), *Warta Jenaka* (1936), *Lembaga Melayu* (1934), *Utusan Melayu* (1939) dan *Majalah Cerita* (1938). Dekad ini juga menyaksikan penglibatan beberapa orang tokoh wanita dalam penerbitan beberapa buah majalah. Antaranya, Hajah Zainun Sulaiman (Ibu Zain) yang menerbitkan *Bulan Melayu* (Jun 1930) di Johor Bahru dan Siti Mariam Saidi yang menerbitkan *Kencana* di Kota Bharu (April 1930-1931). Seperkara lagi mengenai persuratkhabaran Melayu ini ialah terdapat akhbar dan majalah luar negara<sup>28</sup> yang ditulis dalam bahasa Melayu (tulisan jawi-Arab) dan diedarkan di Semenanjung Tanah Melayu. Peranan majalah dan akhbar ini juga tidak kurang pentingnya dalam menyedarkan masyarakat Melayu. Antaranya, *Al-Munir* (1911-1916), *Seruan Azhar* (1925-1928) dan *Pilihan Timur* (1927-1928) yang diterbitkan di Mesir.

Dekad awal abad ke-20 ini juga memperlihatkan kegiatan persuratkhabaran Melayu memasuki satu era baharu dari segi peranan dan temanya. Kalau dahulu peranannya cuma sebagai penyebar berita, dan menjadi juru cakap atau lidah rasmi pertubuhan tertentu, kini fungsi tradisional itu sudah bertukar menjadi gelanggang protes masyarakat Melayu terhadap pemerintahan penjajah yang telah menyebabkan berlakunya ketidakadilan sosial. Meskipun persoalan lama seperti agama, sosioekonomi, bahasa dan kesusasteraan masih lagi diperkatakan, pada sekitar tahun 1930-an ini aspek politik mula diberikan tumpuan yang serius. Masalah utama dan banyak sekali dibincangkan adalah mengenai soal-soal mengembalikan semula hak-

---

<sup>27</sup>William.R. Roff., *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published In The Straits Settlement And Peninsular Malay State 1876-1941*, hlm. 16-18.

<sup>28</sup> William.R.Roff, "Overseas Periodical In Malay-Circulated in Peninsula", dlm *Guide To Malay Periodical 1876-1941*, Singapura: Estern University Press Ltd, 1961, hlm 39-41.

hak pentadbiran negeri dan hak-hak politik kepada orang Melayu.<sup>29</sup> Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana sebagaimana ulasan T. N. Harper, tempoh selepas Perang Dunia Pertama menyaksikan masyarakat di Tanah Melayu berhadapan dengan arus modenisasi yang hebat melanda dunia pada waktu itu. Tempoh ini merupakan tempoh yang mencabar namun meningkatkan kematangan anak tempatan. Tempoh ini menyaksikan golongan terdidik Melayu bangkit menubuhkan persatuan dan menerbitkan akhbar dan majalah sebagai satu saluran pengetahuan dan pemupukan semangat kesedaran dalam berhadapan dengan pemodenan dan juga ekoran peningkatan kemasukan imigran yang mula mencabar kedudukan orang Melayu di tanahair sendiri.<sup>30</sup> Antara akhbar yang menjadi alat penyampaian seruan dan kritikan orang Melayu ialah *Saudara* (1928-1941), *Warta Malaya* (1930-1941), *Majlis* (1931-1941), *Lembaga Malaya* (1934-1941) dan *Utusan Melayu* (1939-1958). Hingga menjelang Perang Dunia Kedua, akhbar dan majalah Melayu sudah memiliki sebahagian besar ciri-ciri persuratkhabaran Melayu moden tetapi apa yang lebih menarik ialah akhbar dan majalah ini dijadikan sebagai alat perjuangan mengucapakan rasa tidak puas hati bangsa Melayu.<sup>31</sup>

Negeri Johor merupakan salah sebuah negeri di Tanah Melayu yang bergerak cergas dalam penerbitan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua. Perkembangan ini dapat dilihat apabila negeri tersebut telah menerbitkan 17 buah majalah dan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua.<sup>32</sup> Perkembangan penerbitan majalah dan akhbar di Johor telah bermula sejak 1919 lagi apabila tiga daerah di Johor iaitu Muar, Johor

---

<sup>29</sup> Abdul Rahman Kaeh, *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 245-250.

<sup>30</sup> T. N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 27-33.

<sup>31</sup> Md. Yusof bin Othman, "Anotasi Majalah Tanah Melayu dan Tinjauan Persoalannya 1933-1937", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1978-1979.

<sup>32</sup> Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2002, hlm. 55.

Bahru dan Batu Pahat<sup>33</sup> telah bergiat dalam penerbitan akhbar dan majalah. Muar muncul sebagai salah sebuah pusat kegiatan intelektual pada tahun 1920-an apabila terdapat lebih kurang tujuh syarikat percetakan di daerah itu dan sebanyak lapan buah akhbar dan majalah telah diterbitkan di daerah tersebut. Kespantasan penerbitan akhbar dan majalah di Johor antara tahun 1920 hingga 1941 ini sebenarnya selari dengan era pertumbuhan kesedaran politik dan perkembangan persatuan-persatuan di negeri Johor sejak 1920-an.<sup>34</sup> Kewujudan pelbagai kelab sosial, persatuan guru, persatuan perniagaan, dan persatuan di bawah teraju kaum wanita di Johor dalam tempoh tersebut turut mempercepatkan serta mempertingkatkan usaha penerbitan akhbar dan majalah di negeri Johor.

Perkembangan ini turut berpunca daripada iklim keintelektualannya yang tersemam sejak pemerintahan Sultan Abu Bakar (1862-1895).<sup>35</sup> Sultan Abu Bakar dilihat bertanggungjawab melaksanakan pemodenan Johor sebagai usaha untuk mengekalkan identiti Johor dan mengelakkan negeri itu jatuh ke tangan pihak

---

<sup>33</sup> Ketiga-tiga daerah ini merupakan bandar dan daerah yang besar dan mempunyai pentadbirannya sendiri dimana pentadbirannya diletakkan di bawah persuruhjaya kerajaan daerah berganding dengan pegawai daerah Inggeris (Assistant Adviser). Keterangan lanjut sila lihat, E Thio, "British Policy Toward Johor From Advise to Control", dlm *JMBRAS*, Vol.11(1), 1967; K.Sinclair, "The British Advance in Johor" dlm *JMBRAS*, vol.11(1), 1967; Ahmad Fawzi, *Johor 1855-1917*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1988; Abdul Malik Munip, *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Pribumi dan Permodenan*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984; Ahmad Fawzi Basri, "Daerah Batu Pahat 1880-1917: Satu Kajian Ringkas Mengenai Perkembangan Pentadbiran Daerah-daerah di Negeri Johor" dlm *Jebat*, Bil. 2 1972/73, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>34</sup>W.R.Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (Penterj), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

<sup>35</sup>E.Thio, *British Policy in The Malay Peninsula 1888-1910*, Vol.1, Singapore, 1969, hlm.114. Keterangan lanjut, sila lihat juga CM. Turnbull, "British Colonial and the Making of Modern Johor Monarchy", dlm *Indonesia and Malay World*, Vol.37, Issue 109, 2009; Abdul Rahman Tang Abdullah, "Interpreting Abu Bakar, The Rule of Johor (1862-1895): The reconstruction of Selected Issues", Tesis Phd, School of Oriental and African Studies University of London, 2007; Abdul Malik Munip, "The Pioneers of Modern Johore", dlm *Malaysia in History*, bil 10(1), 1977, hlm 1-7; C. A.Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggong and the Development of Johore and Singapore*, Singapore: Singapore Press 1979; Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917 Pentadbiran dan Perkembangannya*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1988; C.M. Turnbull, "Origin of British Control in the Malay States Before Colonial Rule", dlm *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty-fifth Birthday*, Oxford: Oxford University Press, 1964.

kolonial.<sup>36</sup> Dalam konteks ini, akhbar dan majalah yang diterbitkan di Johor boleh dilihat sebagai penganjur dan penyokong dan dalam masa yang sama bertindak sebagai pengimbang kepada gejala sosial yang muncul daripada proses pemodenan di Johor. Pengaruh dari Singapura serta sokongan pemerintah dan kerajaan Johor turut memberi kelebihan kepada Johor. Kesannya juga bukanlah sedikit, malah sejarah membuktikan suara kesedaran dan penentangan terhadap cita-cita penguasaan semula British selepas pengunduran Jepun sebenarnya digerakkan dan diterajui oleh golongan pentadbir dari negeri Johor dan akhbar dan majalah dari negeri tersebut.

Melewati batasan kenegerian, akhbar dan majalah yang lahir di Johor juga telah menyumbang kepada perkembangan persuratkhabaran di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana akhbar dan majalah ini bukan sahaja dilanggan oleh masyarakat di Johor tetapi juga dari negeri-negeri Tanah Melayu yang lain seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Terengganu dan negeri-negeri lain, termasuk Singapura, Sabah dan Sarawak.<sup>37</sup> Walaupun sesetengah akhbar dan majalah di Johor hanya dapat bertahan dalam masa yang singkat malah banyak yang terhenti penerbitannya semasa pendudukan Jepun, namun

---

<sup>36</sup>Untuk perbincangan tentang permodenan Johor, lihat, Rahimah Abdul Aziz, *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997; K.Sinclair, "British Advance in Johore 1885-1914" *JMBRAS*, Vol. 11(1) 1967, hlm 93-98; Abdul Rahman Tang Abdullah, "Sultan Abu Bakar's Foreign Guests and Travels Abroad, 1860s-1895: Fact and Fiction on Early Malay Historical Accounts, *JMBRAS*, Jilid 84, No.1, 2011, hlm. 1-22; Abdul Rahman Tang Abdullah, "Interpreting Abu Bakar, The Rule of Johor (1862-1895): The Reconstruction of Selected Issues", Tesis Phd, School of Oriental and African Studies University of London, 2007; M.A. Fawzi Basri, "Dari Sistem Residen ke Sistem Pesuruhjaya Kerajaan 1855-1917", dlm, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil.12, 1983; E.Thio, *British Policy in The Malay Peninsula 1888-1910*, Vol.1, Singapore, 1969, hlm.114; C.M. Turnbull, "British Colonial and the Making of Modern Johor Monarchy", dlm *Indonesia and Malay World*, Vol.37, Issue 109, 2009; Abdul Malik Munip, "The Pioneers of Modern Johore", dlm *Malaysia in History*, bil 10(1), 1977, hlm 1-7 ; Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917 Pentadbiran dan Perkembangannya*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1988; Mohd. Said Sulaiman, *Hikayat Johor: Tawarikh Sultan Abu Bakar*, Singapura, 1940; C.M. Turnbull, "Origin of British Control in the Malay States before Colonial Rule", dlm *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty-fifth Birthday*, Oxford: Oxford University Press, 1964, dan Abdullah Zakaria Ghazali, *Istana dan Politik Johor 1835-1885*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996.

<sup>37</sup> Biasanya senarai pengedar di dalam dan luar negeri Johor diletakkan di belakang atau di muka surat depan akhbar dan majalah.

sumbangannya dalam membawa kesedaran masyarakat dan mendokong misi pemodenan yang dianjurkan oleh kerajaan termasuk mengimbangi kesan buruk pemodenan tidak boleh diperkecilkan.

## 1.2 Tinjauan Literatur

Kajian, penulisan, penyelenggaraan ataupun usaha menyenaraikan akhbar dan majalah yang muncul di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua telah banyak dilakukan oleh pengkaji daripada pelbagai bidang seperti kesusasteraan, sejarah, kewartawanan dan komunikasi. Namun begitu setakat ini belum ditemui kajian khusus dan mendalam yang pernah dijalankan mengenai persuratkhabaran di negeri Johor. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penulisan yang berbentuk buku, artikel, tesis dan kertas kerja yang dapat memberi gambaran dan maklumat yang berguna bagi memantapkan lagi kajian ini. Berdasarkan kajian-kajian yang lalu, secara umumnya, penulisan tentang akhbar dan majalah di negara ini boleh dikelompokkan dalam tiga bentuk. Pertama, sejarah perkembangan akhbar dan majalah secara umum; kedua, tumpuan kepada akhbar dan majalah khusus; dan yang ketiga pula tumpuan kepada akhbar dan majalah mengikut negeri.

Antara penulisan sejarah akhbar dan majalah secara umum ialah karya Mohammad bin Dato' Muda, *Tarikh Akhbar*; tiga buah karya William. R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*, dan *Nasionalisme Melayu*; A.M. Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*; Abdul Lattif Abu Bakar, "Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-persatuan Negeri Melayu 1926-1941";<sup>38</sup> Khoo Kay Kim *Majalah dan Akhbar Sebagai Sumber Sejarah*;

---

<sup>38</sup> Abdul Latif Abu Bakar, "Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-persatuan Negeri Melayu 1926-1941;" dlm *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah, Bil.9, 1980, hlm.90-107.

Ahmad Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke-19*;  
Mohd Safar Hashim, *Akhbar dan Kuasa Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 18*;<sup>39</sup> Kassim Thukiman, *Malaysia Perspektif Sejarah dan Politik*;<sup>40</sup> dan  
Hamed Mohd. Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*.

Buku pertama yang diterbitkan tentang persuratkhabaran ialah tulisan Mohammad bin Dato' Muda bertajuk *Tarikh Akhbar*.<sup>41</sup> Buku ini membincangkan perkembangan persuratkhabaran di Tanah Melayu termasuk Singapura, serta menyenaraikan akhbar dan isu-isu luar negara. William R. Roff dalam dua buah bukunya *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*<sup>42</sup> dan *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*<sup>43</sup> menyentuh perkembangan dan butiran penerbitan akhbar Melayu di Tanah Melayu secara ringkas termasuk Sabah dan Sarawak. Roff juga menghuraikan secara ringkas tentang peranan akhbar dan majalah sebagai penyebar buah fikiran, berita-berita dan isu-isu yang berlaku di dalam dan luar negara. Dalam satu buku yang lain, walaupun judulnya berkenaan nasionalisme Melayu,<sup>44</sup> Roff, melalui rencana-rencana yang disiarkan, turut mengulas tentang peranan akhbar dan majalah Melayu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu yang terkebelakang dalam pelbagai segi.

---

<sup>39</sup>Mohd Safar Hashim, *Akhbar dan Kuasa Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996.

<sup>40</sup>Kassim Thukiman, *Malaysia Perspektif Sejarah dan Politik*, Skudai Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.

<sup>41</sup> Mohammad bin Dato' Muda, *Tarikh Akhbar*, Bukit Mertajam: The Maktbaah al Khiriyah, 1940.

<sup>42</sup>William R.Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*.

<sup>43</sup>William R.Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals: Published in the the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*.

<sup>44</sup>William R.Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (Penterj), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

Buku *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*<sup>45</sup> oleh A.M. Iskandar pula mengandungi ikhtisar akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang pernah diterbitkan dalam tempoh tersebut. Penerbitan tersebut tidak sahaja terbatas di Malaysia malah meliputi juga akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan di luar negeri oleh orang Melayu sendiri. Buku ini juga menerangkan dengan agak terperinci latar belakang setiap satu daripada majalah dan akhbar ini. Melalui buku ini pembaca diberi satu ikhtisar akhbar-akhbar dan majalah-majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan pertama kalinya dalam tahun 1876 dan membolehkan pembaca mengesani perkembangan pemikiran bangsa Melayu yang terpancar daripada isi penerbitan tersebut.

Ahmat Adam dalam bukunya *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke-19*, pula membicarakan latarbelakang sejarah dan perkembangan dunia persuratkhabaran berbahasa Melayu di Kepulauan Melayu dan Sri Lanka sekitar abad ke-19.<sup>46</sup> Selain sejarah dan latar belakang akhbar-akhbar tersebut, karya ini turut melampirkan satu senarai indeks beranotasi akhbar-akhbar simpanan perpustakaan di Amerika Syarikat, Australia, Indonesia, Malaysia, Belanda, Singapura, Sri Lanka dan Britain. Selain itu, beliau juga menyenarai bibliografi akhbar dan majalah serta nama dan latar belakang para editornya yang disusun mengikut kronologi dan abjad.

Khoo Kay Kim menerusi *Majalah dan Akhbar Sebagai Sumber Sejarah*,<sup>47</sup> menonjolkan peranan akhbar dan majalah sebagai sumber sejarah kerana kedua-dua media ini menjadi medan untuk memperjuangkan kepentingan kaum-

---

<sup>45</sup>A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980

<sup>46</sup>Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke Sembilan Belas*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992.

<sup>47</sup>Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1984.



kaum yang terdapat di negeri-negeri Melayu. Menurut Khoo, walaupun akhbar dan majalah kerap digunakan sebagai sumber sejarah namun tidak ramai yang menggunakan sumber ini untuk menulis sejarah masyarakat Melayu walhal bilangan akhbar Melayu sepanjang abad ke-20 adalah melebihi bilangan akhbar Inggeris.

Buku berjudul *Penerbitan Majalah di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran* oleh Hamed Mohd. Adnan<sup>48</sup> pula membincangkan pelbagai aspek dalam dunia penerbitan majalah di Malaysia, khususnya yang bersangkutan dengan penerbitan majalah dalam bahasa Melayu. Hamed menghujahkan penerbitan majalah berkembang dengan agak perlahan berbanding dengan penerbitan buku ekoran pasaran yang agak kecil, yang diakibatkan oleh segmentasi bahasa dan latarbelakang pembaca di negara ini. Oleh hal yang demikian, banyak majalah yang tidak mampu bertahan lama di pasaran kerana sirkulasinya rendah, manakala pendapatan daripada iklan pula agak terbatas.

Selain karya asli, buku selenggaraan tentang majalah dan akhbar secara umum juga telah banyak diusahakan. Misalnya, *Lembaran Akhbar Melayu*<sup>49</sup> telah menyiarkan makalah-makalah yang lebih merupakan petikan-petikan daripada pelbagai akhbar yang telah diterbitkan dalam tempoh 1906 hingga 1957. Antara makalah tersebut ialah *Al-Imam*, *Pengasuh*, *Bulan Melayu*, *Majlis*, *Melayu Raya* dan *Utusan Zaman*. Terbaru, buku berjudul *Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun Ke-20*, suntingan Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa<sup>50</sup> yang mengandungi 15 bab sumbangan beberapa orang pengkaji dari seluruh Malaysia. Teras utama buku suntingan ini ialah sejarah akhbar dan tokoh persuratkhabaran Malaysia pada abad ke-20 disorot daripada sudut sumbangan dan

---

<sup>48</sup>Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*.

<sup>49</sup> Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

<sup>50</sup> Abdul Rahman Haji Ismail dan Mahani Musa (ed.), *Akhbar dan Tokoh Perakhbaran Malaysia Kurun Ke-20*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.

peranan pembiaya dan pengurus, pengarang dan penulis rencana, mahupun penggerak masyarakat dan pejuang yang menggunakan akhbar sebagai medium untuk menyemarakkan idea dan merealisasikan wawasan perjuangan.

Dalam kelompok kedua, iaitu kajian bertumpuan akhbar dan majalah yang khusus, beberapa kajian telah pun dihasilkan. Buku yang bertajuk *Warta Malaya Penyumbang Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*<sup>51</sup> karya Zulkipli bin Mahmud, misalnya, menumpukan kepada sejarah perkembangan *Warta Malaya*, tokoh-tokohnya serta lidah pengarang. Tumpuan utama buku ini adalah *Warta Malaya* sebagai penyumbang lidah bangsa Melayu selain mengupas rencana-rencana (termasuk rencana pengarang) seperti teguran terhadap pentadbiran negeri, pandangan golongan imigran, kemajuan orang Melayu, memperbaiki keadaan ekonomi dan kedudukan bahasa Melayu.

Selain buku, kajian akhbar dan majalah yang khusus juga dihasilkan dalam bentuk artikel. Artikel Ramlah Adam berjudul "Lembaga Malaya 1934-1941",<sup>52</sup> misalnya, memberi pengiktirafan kepada *Lembaga Malaya* sebagai alat kesedaran kebangsaan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Walaupun diterbitkan di Johor, sumbangannya kepada masyarakat Melayu amat penting. Hal ini kerana akhbar ini dimiliki seorang tokoh politik iaitu Dato' Onn Jaafar yang memang mempunyai idea politik yang bernas. Malah Ramlah berpendapat bahawa *Lembaga Malaya* telah menjadi asas kepada kemunculan Dato' Onn sebagai pemimpin masyarakat Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, tulisan Ramlah hanya menyentuh secara ringkas tentang perjuangan *Lembaga Malaya* dalam menyedarkan masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, khususnya untuk tempoh 1936 hingga 1938. Hal ini bermakna kajian beliau berkisar kepada *Lembaga Malaya*

---

<sup>51</sup> Zulkipli B Mahmud, *Warta Malaya Penyumbang Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

<sup>52</sup> Ramlah Adam, "Lembaga Malaya 1934-1941", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 8 April 1979.

ketika penerbitannya berada di Singapura dan percetakannya di Johor Bahru.<sup>53</sup> Beliau juga lebih menumpukan kepada tulisan Dato Onn Jaafar dalam akhbar tersebut.

Sementara itu Abdul Rahman Haji Ismail dalam artikel bertajuk "Jajahan Melayu dan Seri Perak: Satu Catatan Tentang Dua Akhbar Melayu Semenanjung Tanah Melayu Akhir Kurun Kesembilan Belas,"<sup>54</sup> meneliti sejarah penerbitan dua akhbar-akhbar awal iaitu *Jajahan Melayu* (1897) dan *Seri Perak* (1893) yang pernah diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu, khasnya Perak. Abdul Rahman merumuskan bahawa *Jajahan Melayu* tidak sahaja melaporkan berita tetapi juga turut memberikan pandangan, menghibur dan mengajar para pembacanya. Selain itu *Jajahan Melayu* juga berjaya mencorakkan media itu sebagai pemberi gambaran tentang corak dan masalah-masalah dalam persuratkhabaran dan kewartawanan Melayu pada zaman itu.

Manakala artikel bertajuk "*Bulan Melayu*"<sup>55</sup> tulisan Mariam bte Mansor membincangkan peranan kaum wanita yang tidak ketinggalan menyumbangkan bakti melalui majalah *Bulan Melayu*. Majalah ini diterbitkan dalam tulisan jawi di Johor Bahru pada 1 Jun 1930 oleh Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor. Pengarangnya ialah Hajah Zainun binti Sulaiman (Ibu Zain). Majalah diterbitkan secara bulanan bermula dari Jun 1930 hingga Mei 1932 dan Mei 1935 hingga Julai 1938 dan berhenti pada 1941. Majalah ini menjadi suara bagi Persekutuan Melayu Johor dan merupakan majalah wanita yang pertama. Walaupun *Kencana* (Kota Bharu) diterbitkan lebih awal daripada *Bulan Melayu*, iaitu pada bulan April 1930, majalah tersebut sebenarnya mendapat bantuan besar daripada Asaad Shukri bin Haji

---

<sup>53</sup> Akhbar *Lembaga Malaya*, diterbitkan di Singapura pada 10 Disember 1934 hingga 1937. Mulai tahun 1938 *Lembaga Malaya* telah mengeluarkan edisi pertamanya di Johor.

<sup>54</sup> Abdul Rahman Haji Ismail bertajuk "Jajahan Melayu dan Seri Perak: Satu Catatan Tentang Dua Akhbar Melayu Semenanjung Tanah Melayu Akhir Kurun Kesembilan Belas", *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*, Jilid 6, No.2, Disember 1988, hlm.1-15.

<sup>55</sup> Mariam Bte Mansor, "Bulan Melayu", hlm. 58-81.

Muda dalam sidang redaksinya. *Bulan Melayu* sebaliknya diuruskan sepenuhnya oleh wanita. Mariam melihat *Bulan Melayu* sebagai satu saluran awal yang mahu membawa pembaharuan dalam cara hidup masyarakat Melayu terutama kaum wanita Melayu dalam bidang sosial, pelajaran, ekonomi dan sedikit ke arah kesedaran politik Melayu. Mariam, walau bagaimanapun, tidak menganalisis sejauh mana wanita yang berpendidikan percaya bahawa akhbar dan majalah boleh menjadi saluran penting dalam menggerakkan kesedaran, mendokong hasrat pemodenan dan kemajuan kaum wanita dan bangsa Melayu serta bertindak sebagai pengimbang kepada proses pemodenan tersebut. Artikel ini juga hanya menyentuh keluaran *Bulan Melayu* antara tahun 1930 hingga 1932 sahaja sedangkan *Bulan Melayu* bertahan sehingga 1941. Hal ini bermakna bagi tempoh antara 1933 hingga 1941 masih banyak isu yang belum diselidiki.

Manakala buku bertajuk *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*,<sup>56</sup> karya Siti Rodziah Nyan, secara khususnya, mengkaji sejarah perkembangan *Saudara* yang merupakan akhbar nasional yang mapan pada zamannya sehingga berjaya bertahan selama 13 tahun berbanding dengan akhbar-akhbar sebelumnya. *Saudara* yang diterbitkan sekitar tahun 1928 hingga 1941, menurut Rodziah, sesuai dengan nada Islahnya banyak memaparkan persoalan agama, ekonomi dan sosial yang merupakan masalah paling meruncing yang dihadapi orang Melayu pada zaman penjajahan.

Berbanding kedua-dua kategori yang telah dibincangkan, bentuk ketiga iaitu akhbar dan majalah bertumpuan negeri kurang diberi perhatian oleh pengkaji sejarah. Hanya segelintar sahaja yang berminat terhadap kajian bercorak sebegini, antaranya, Mohd. Sarim Mustajab, Nordi bin Achie dan Siti Rodziah.

---

<sup>56</sup> Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Mohd. Sarim Hj. Mustajab dalam artikelnya yang berjudul "Percetakan Melayu dan Akhbar di Taiping" menegaskan bahawa Taiping telah mendahului bandar-bandar lain di Perak dalam kegiatan persuratkhabaran pada abad ke-19.<sup>57</sup> Aktiviti penerbitan akhbar pada penghujung abad ke-19 semakin rancak apabila terbitnya akhbar *Jajahan Melayu* pada tahun 1897 dan *Warta Kerajaan Perak* (1896). Kemunculan dua akhbar tersebut di bandar Taiping selepas terbitnya *Seri Perak* (1893) dalam jangka masa yang begitu singkat menunjukkan bahawa pada dekad ini Taiping mempunyai infrastruktur yang baik untuk menampung kegiatan penerbitan akhbar.

Mohd. Sarim Mustajab dalam artikelnya berjudul "Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941"<sup>58</sup> pula menghujahkan bahawa kegiatan keintelektualan dan kewartawanan di Johor sebelum Perang Dunia Kedua memperlihatkan satu tahap perkembangan yang positif dan amat berbeza dari tempat lain, baik di Semenanjung Tanah Melayu mahupun Negeri-negeri Selat kesan daripada pemodenan Johor. Walau bagaimanapun, kajian Mohd. Sarim lebih merupakan satu tinjauan umum malah Sarim tidak menganalisis peranan dan sumbangan akhbar dan majalah Johor sebagai alat pemodenan negeri Johor. Bertitik tolak daripada kekurangan inilah maka tesis ini diusahakan.

Nordi Achie pula melalui karyanya *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*<sup>59</sup> menyentuh perkembangan persuratkhabaran di Sarawak untuk tempoh 1870 hingga 1950. Buku ini juga memberi gambaran pergolakan, idea dan perjuangan yang berlaku dalam masyarakat Sarawak menerusi akhbar *Fajar Sarawak* dan *Utusan*

---

<sup>57</sup> Mohd Sarim Hj. Mustajab, "Percetakan Melayu dan Akhbar di Taiping", *JEBAT*, bil.19, 1991, 31-42.

<sup>58</sup> Mohd Sarim Maustajab "Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Johor 1919-1941" dalam Zainal Abidin Borhan, Othman Puteh, Hamzah Hamdani dan Saleh Daud (et al.) *Warisan persuratan Johor*, Yayasan Warisan Johor: Johor, 1997, hlm. 307-319.

<sup>59</sup>Nordi bin Achie, *Akhbar Melayu Perjuangan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.

*Asas* termasuklah usaha para intelektual membebaskan masyarakat Melayu daripada cengkaman feudal Melayu dan penjajah. *Fajar Sarawak* mempertanggungjawabkan pemimpin Melayu atas kemunduran masyarakat Melayu. Kemunduran masyarakat Melayu dilihat oleh *Fajar Sarawak* berpunca daripada sikap pemimpin Melayu yang mementingkan diri dan keluarga lalu mengabaikan hak-hak kepentingan masyarakat Melayu. Manakala *Utusan Asas* pula dengan secara terbuka mengkritik penjajahan British yang diibaratkan bukan sekadar ular tedung malah "singa lapar" yang menerkam mangsanya yang lemah. British dilihat sebagai penjajah buas dan ganas yang bermaharajalela meluaskan empayarnya.

Kemunculan akhbar-akhbar Melayu di Pulau Pinang pula telah mendapat perhatian Siti Rodziah dalam artikel bertajuk "Pulau Pinang Sebagai Pusat Kemunculan Akhbar-akhbar Melayu."<sup>60</sup> Dalam artikel ini, Siti Rodziah menegaskan bahawa sejak abad ke-19 hingga menjelang Perang Dunia Kedua, Pulau Pinang telah mengeluarkan hampir 40 buah akhbar dan majalah. Walaupun sesetengah akhbar itu hanya wujud seketika, peranannya sangat penting dalam membangkitkan kesedaran dan kemajuan dalam kalangan orang Melayu dalam aspek ekonomi, sosial dan politik agar seiring dengan bangsa-bangsa lain di Pulau Pinang.

Berdasarkan kajian literatur tersebut kajian terhadap aspek politik dan sosioekonomi masyarakat Melayu dalam akhbar dan majalah terbitan negeri Johor sebelum Perang Dunia Kedua belum benar-benar dihasilkan. Meskipun terdapat beberapa penulisan yang mengkaji persuratkhabaran di Johor, majoriti tulisan tersebut bersifat umum dan terlalu ringkas. Namun begitu, tulisan-tulisan tersebut dapat memberikan maklumat asas berkenaan ruang lingkup bidang yang dikaji. Berdasarkan tinjauan literatur ini amat jelas kajian akhbar dan majalah bertumpuan

---

<sup>60</sup> Siti Rodziah Nyan, "Pulau Pinang Sebagai Pusat Kemunculan Akhbar-akhbar Melayu", dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed), *Dari Tanjung Penaga ke George Town: Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*, Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2007.

negeri (mikro) masih kurang dilakukan berbanding kajian umum (makro) atau yang khusus tentang media ini. Oleh yang demikian, penulisan tesis ini diharap dapat mengisi ruang kosong dalam kajian sejarah Malaysia berkaitan persuratkhabaran yang bertumpuan negeri.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Oleh kerana kajian akhbar dan majalah bertumpuan negeri (mikro) kurang dilakukan maka tidak wujud satu kefahaman yang jelas tentang mengapa kegiatan akhbar dan majalah di sesetengah negeri itu sangat menonjol daripada segi menyampaikan idea dan pemikiran tentang kesedaran dan kemajuan ekonomi, sosial dan politik berbanding negeri lain. Dalam kes Johor, misalnya, kegiatan akhbar dan majalah di negeri itu biasanya dimasukkan sebagai sebahagian daripada kajian persuratkhabaran di Tanah Melayu secara umum meskipun dari segi sejarahnya negeri itu mencatatkan jumlah penerbitan majalah dan akhbar yang paling tinggi berbanding Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain. Malah Johor mencatat sejarah kemunculan majalah pertama di negara ini yang diterajui sepenuhnya oleh kaum wanita iaitu *Bulan Melayu*. Maka ruang kecil dalam satu kajian umum seperti ini tidak dapat menjelaskan banyak perkara tentang perkembangan, cabaran atau masalah yang dihadapi dalam kegiatan persuratkhabaran di peringkat negeri. Hal ini perlu dibincangkan dan difahami mengapa Johor giat dalam kegiatan persuratkhabaran berbanding dengan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain. Persoalan-persoalan seperti adakah perkembangan ini disebabkan oleh impak gerakan pemodenan Johor sejak 1860-an semata-mata atau kerana tempas Singapura yang merupakan antara Negeri-negeri Selat yang paling maju dalam kegiatan persuratkhabaran, atau kedua-duanya sekali, tidak pernah dikaji dengan teliti.

Persoalan-persoalan lain seperti bagaimanakah sokongan pemerintah/kerajaan kepada kegiatan persuratkhabaran di negeri itu, siapakah yang menerajui kegiatan tersebut dan tujuan mereka, hubungan dan respons penggiat persuratkhabaran ini kepada isu-isu penting yang melanda Tanah Melayu tidak disorot secara terperinci. Malah persoalan sejauh manakah akhbar dan majalah yang terbit di negeri Johor bertindak sebagai penyokong dan dalam masa yang sama bertindak sebagai pengimbang kepada gejala sosial kesan daripada pemodenan sebagaimana yang dipikul oleh jabatan-jabatan dalam kerajaan negeri Johor sejak gerakan pemodenan dimulakan, tidak diberi perhatian dalam tulisan-tulisan tentang akhbar dan majalah setakat ini.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengisi jurang pengetahuan ini. Selain menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan, kajian ini ingin membuktikan bahawa akhbar dan majalah di Johor bukan hanya berfungsi sebagai penyalur maklumat semata-mata. Dalam konteks negeri Johor yang telah mengambil langkah untuk memodenkan negeri itu sejak pertengahan abad ke-19 demi mengelakkan perluasan kuasa British, kegiatan persuratkhabaran di negeri itu memikul visi yang jauh lebih besar iaitu sebagai saluran kesedaran masyarakat sekaligus sebagai pendokong aspirasi gerakan pemodenan Johor dan dalam masa yang sama bertindak sebagai pengimbang kepada gerakan tersebut. Hal ini masih belum dikupas oleh mana-mana pengkaji terdahulu.